

Teknologi baharu mantap industri pertanian

Serdang: Sebanyak 15 kumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil langkah proaktif dengan mencipta teknologi baharu dalam industri pertanian bagi membantu mereka yang terbabit dalam industri itu.

Antara inovasi dihasilkan ialah Kenaf Pneumatic Seeding Machine, Solar Heater Box, B-GREEN Biofertilizer dan Nanocrystal Delivery Vehicle yang belum pernah dikomersialkan.

Ambil langkah berani

Timbalan Pengarah Bahagian Promosi dan Pemasaran Inovasi Taman Sains Putra, Dr Mohamad Fakri Zaky Jaafar, berkata pihak berkepentingan dalam sektor pertanian seharusnya mengambil langkah berani dengan membeli produk baharu keluaran universiti tempatan.

Katanya, walaupun risiko



Prof Dr Rita Muhamad Awang (kiri) menerangkan kegunaan ciptaannya, Kotak Pemanas Solar kepada Dr Manjeri Ganasegaram.

membeli produk baharu adalah tinggi, ia mampu memberi kadar pulangan yang tinggi kepada pengusaha pertanian.

“Kami mahu menjual produk yang dihasilkan melalui makmal di UPM, selain memberi pendedahan kepada pengusa-

ha berkaitan teknologi baharu.

“Kami meletakkan sasaran lapan atau sembilan pelesenan dalam setahun,” katanya ketika ditemui pemberita selepas berucap pada Hari Terbuka Inovasi UPM, di sini, semalam.

Pameran mini sehari anju-

ran Taman Sains Putra itu disertai penyelidik dalam bidang pertanian dan veterinar.

Bertemu penyelidik

“Hari ini (semalam), kami bagi keistimewaan kepada pengusaha industri untuk bertemu penyelidik dan membincangkan perkara berbangkit. Dengan mengunungi pameran ini, mungkin teknologi yang dihasilkan dapat membantu menyelesaikan masalah yang mereka hadapi,” katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Fakri berkata, produk dikeluarkan universiti di luar negara adalah mahal berbanding produk keluaran universiti tempatan yang lebih murah dan mampu mengurangkan kos import.

Beliau berkata, pihaknya merancang mengadakan Hari Terbuka Inovasi ini sebanyak lima atau enam kali setahun tertakluk kepada kesesuaian masa fakulti berkaitan.